



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 17 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kerajaan perlu jujur jelaskan isu telur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	9

Kerajaan perlu jujur jelaskan isu telur

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penternak ayam penelur mendesak kerajaan berlaku jujur kepada industri serta rakyat dan mendedahkan masalah sebenar dalam sektor pengeluaran telur ayam yang kini berdepan isu tidak cukup bekalan.

Pemilik sebuah ladang ayam penelur di Lembah Klang yang dihubungi *Utusan Malaysia* semalam mendedahkan, pihaknya hairan bagaimana kerajaan tergamak memberitahu rakyat kononnya bekalan telur di pasaran mencukupi, sedangkan data unjuran pengeluaran ayam dan telur bagi 2023 yang dihasilkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) jelas menunjukkan bekalan kedua-dua sumber itu tidak mencukupi bermula April.

Kata sumber, sejak Februari lalu ladang-ladang ayam dan telur sudah mendapat salinan sebuah laporan data unjuran JPV berjudul *Bekalan ayam dan telur bagi tahun 2023: Pembentangan kepada bahagian penguatkuasaan negeri-negeri*.

"Dalam data unjuran yang sudah tular di kalangan penternak itu, bekalan telur bermula Mei akan berkurangan sebanyak 60 juta biji. Kemudian pada Julai, masalah telur makin kritikal apabila bekalan berkurangan 150 juta biji sepanjang



Pada Julai, merujuk data unjuran itu bekalan telur akan berkurangan 150 juta biji; September berkurangan 360 juta biji; Oktober kurang 411 juta biji dan paling teruk pada Disember."

SUMBER

bulan itu," kata sumber.

Utusan Malaysia yang menerima satu salinan data unjuran itu sudah membuat semakan ketulen dokumen itu dengan pihak JPV dan disahkan bahawa dokumen tersebut adalah tulen.

Dalam pada itu, sumber berkata dia hairan bagaimana JPV tergamak menyalurkan maklumat yang tidak tepat bahawa bekalan telur dalam negara mencukupi.

Sumber merujuk kepada satu kenyataan JPV pada 11 April yang memaklumkan, terdapat lebih bekalan pada Mac iaitu sebanyak 250.8 juta biji telur sekali gus limpahan

bekalan berlaku pada April.

Kata sumber, itu maklumat yang amat mengelirukan kerana meskipun data unjuran itu menunjukkan pada Mac ada lebih telur sebanyak 250 juta biji.

Namun akibat proses penghasilan telur yang terganggu kerana isu kekurangan stok induk tuai atau parent stock (PS) ayam penelur, data unjuran itu menunjukkan bahawa stok telur seluruh negara sepanjang April berkurangan 20 juta biji sementara pada Mei bekalan telur diunjurkan akan berkurangan 60 juta biji.

"Kemudian pada Julai, merujuk data unjuran itu bekalan telur akan berkurangan 150 juta biji; September berkurangan 360 juta biji; Oktober kurang 411 juta biji dan paling teruk pada Disember apabila JPV sendiri mengunjurkan bahawa bekalan telur akan berkurangan lebih 600 juta biji sepanjang bulan itu," kata sumber.

Untuk rekod, berdasarkan data unjuran tersebut, negara memerlukan 1 bilion biji telur setiap bulan, dengan bekalan turun naik tidak menentu. Sementara itu, sektor telur diburukkan pula oleh pendirian kerajaan yang tetap membenarkan syarikat telur gergasi di Malaysia mengeksport telur ke luar negara, dengan unjuran eksport sepanjang 2023 mencecah 1,144 bilion biji.

Import makanan jika cuaca panas jejas bekalan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Nasional	16



MOHAMAD Sabu melihat barangan yang dijual di Jualan Agro Madani di Kampung Johan Setia, Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ FARIZ RUSADIO

Import makanan jika cuaca panas jejas bekalan

KLANG: Kerajaan bersedia mengimport bekalan makanan bagi menampung keperluan rakyat sekiranya bekalan makanan tempatan terjejas akibat cuaca panas di negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ketika ini negeri-negeri di bahagian utara dan Pantai Timur antara yang paling terkesan akibat cuaca panas apabila suhu di negeri-negeri terlibat melebihi 37 darjah celsius.

"Cuaca panas ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tapi berlaku juga di Amerika Syarikat (AS) dan Kanada. Jadi, kementerian akan melakukan pelbagai usaha bagi memastikan bekalan mencukupi, terutama sekali pada musim Aidilfitri kali ini.

"Bagaimanapun MAFI kini memantau bekalan hasil per-

tanian, penternakan dan laut secara harian. Insya-Allah, bekalan makanan di negara ini mencukupi," katanya selepas merasmikan program Jualan Agro Madani peringkat kebangsaan di Kampung Johan Setia, semalam.

Dalam program itu, Mohamad menyasarkan penganjuran Jualan Agro Madani di kira-kira 10 lokasi di Lembah Klang sehingga pertengahan tahun ini.

"Ayam, daging, ikan dan sayur di sini secara umumnya dijual di bawah harga pasaran, iaitu sehingga 30 peratus daripada harga pasaran.

"Kita sasarkan 5,000 pengunjung di semua lokasi Jualan Agro Madani dengan unjuran penjimatan perbelanjaan sehingga RM45,000 bagi 5,000 pengunjung tersebut," ujarnya.

Import makanan jika cuaca panas jejas bekalan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	16

5 pembekal jual ayam melebihi harga kawalan bakal didakwa

Johor Bahru: Lima daripada enam pembekal ayam di sekitar Tampoi di sini, bakal didakwa di mahkamah kerana menjual ayam melebihi RM8.10 sekilogram iaitu harga ditetapkan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Ting Han, berkata setakat ini pihaknya sudah mengambil tindakan kompaun terhadap enam pembekal dan lima peruncit di negeri ini sejak awal Ramadan.

Beliau berkata, Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor tidak akan teragak-agak untuk terus mengambil tindakan terhadap pembekal atau peruncit yang tamak itu.

"Bagi aduan berkaitan ayam dijual mahal daripada harga kawalan, kita sudah ambil tindakan sesuai. Peruncit yang menjual melebihi harga siling iaitu RM9.40 sekilogram dikenakan kompaun.

"Sementara itu, pembekal yang menjual bekalan ayam kepada peruncit melebihi RM8.10

turut dikenakan tindakan, kita sedang melengkapkan kertas siasatan untuk menghadapkan lima daripada enam pembekal di mahkamah," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SKMMP) Hari Raya Puasa 2023 Peringkat Negeri Johor di Mydin Mall, di sini, semalam.

Ting Han berkata, hasil pemantauan dan pemeriksaan dijalankan mendapati peniaga menaikkan harga ayam sesuka hati sehingga RM10.50 sekilogram

pada awal Ramadan.

Beliau berkata, sejak Kementerian melaksanakan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam pada 5 Februari lalu, sebanyak 347 kes dikenakan tindakan dengan nilai kompaun RM134,200.

Antara kesalahan dikesan membabitkan 38 kes tidak meletakkan tanda harga, 237 kes tidak meletakkan 'tag' merah jambu dan 71 kes melanggar harga kawalan dengan nilai ramasan RM41,380.

Beliau berkata, pihaknya ber-

harap peniaga mematuhi undang-undang dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sesuka hati.

"Sepanjang SHMMP Tahun Baru Cina 2023 sebelum ini, KPDN menjalankan 790 pemeriksaan ke atas pengilang, pemborong dan peruncit di seluruh negeri.

"Sebanyak 35 kes dengan kompaun RM4,600 dihasilkan sepanjang pelaksanaan skim harga itu membabitkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

Five chicken selles to be charged with selling above celing price

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	9

Five chicken sellers to be charged with selling above ceiling price

JOHOR BARU: Five chicken sellers here are expected to be charged in court for selling poultry above the ceiling price set by the government.

Johor investment, trade and consumer affairs committee chairman Lee Ting Han said the state Domestic Trade and Cost of Living Ministry had identified the six wholesalers and five retailers in Tampoi who had been selling chicken above the ceiling price.

"We have taken action against all of them, including compounding them for the offence.

"We are also looking into charging five of them in court and this will be done as soon as possible.

"We urge the public to lodge complaints with the ministry should they come across any business that fails to adhere to the set ceiling price," he said.

"One of the retailers had sold chicken as high as RM10.50 per kg, which is way above the ceiling price," he said.

The ceiling price of standard chicken is currently set at RM9.40 per kg at the retail level and RM8.10 at the wholesale level.

Under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, those selling controlled goods above its maximum price face a fine of up to RM100,000 or three years' imprisonment or both. They can also be compounded for up to RM50,000.

For companies, the fines can go as high as RM500,000 while the maximum compound is RM250,000.

Lee also said there is ample chicken supply in the market during the festive season.

In Kuala Terengganu, Bernama reported that the state Health Department has issued 222 compounds against food traders at Ramadan bazaars between the first day of Ramadan and last Friday.

State local government, housing, health and environment committee chairman Datuk Dr Alias Razak, said the compound notices totalling RM24,800 involved various offences, including not wearing an apron, not maintaining personal hygiene and food handlers not attending training as required.

He said other offences were employing food handlers without training and typhoid injections as well as for violations under the Food Hygiene Regulations 2009 and the Food Act 1983.

"A total of 3,431 inspections were conducted at 57 Ramadan bazaars in the state.

"The most number of offences are for not wearing an apron (113 notices) and not maintaining personal hygiene (49 notices)," he said.

Dr Alias also reminded traders to comply with the ban on the operation of Aidilfitri bazaars on the eve of Syawal, for cleaning up purposes.

The ban also includes night market operations to ensure that the state is clean during Aidilfitri.